



20 NOV, 2024

Rampas 8.39 juta batang rokok seludup

Harian Metro, Malaysia



RAIZAM (tengah) menunjukkan rokok putih pelbagai jenama bernilai RM6.38 juta disyaki diseludup yang dirampas.

Rampas 8.39 juta batang rokok seludup

Dengkil: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 8.39 juta batang rokok putih pelbagai jenama bernilai RM6.38 juta disyaki diseludup dalam satu operasi di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang, Selangor pada 12 November lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan) Raizam Setappa@Mustapha berkata, secara keseluruhan rampasan itu bernilai RM785,117 dengan anggaran cukai RM5.61 juta.

Beliau berkata, operasi

pemeriksaan ke atas enam kontena yang membawa kepada penahanan seorang ejen perkapalan warga tempatan berusia 50-an.

“Siasatan awal ke atas dokumen, barangan dagangan ini diikrarkan sebagai produk pelbagai.

“Semasa serbuan, kami dapati bahagian hadapan kontena dipenuhi kotak makanan ringan, produk bijirin dan air minuman. Kami menemui rokok-rokok ini di be-

lakang kotak-kotak berkenaan yang bertujuan mengaburi mata pihak berkuasa,” katanya ketika ditemui pada sidang media di sini, semalam.

Di samping itu, Raizam juga berkata, siasatan ketika ini tertumpu kepada mengenal pasti pengimport rokok putih berkenaan yang dipercayai dari negara Asia Selatan untuk pasaran tempatan.

“Siasatan kami turut mengesahkan rokok-rokok

berkenaan tidak mempunyai permit import,” katanya.

Menurutnya, pengimportan rokok dan tembakau tertakluk kepada permit import yang digariskan dalam Butiran 66 Bahagian 1, Jadual Ketiga Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023.

Kes disiasat di bawah Peraturan-Peraturan Zon Bebas 30(1) Akta Zon Bebas 1990 serta Seksyen 135(1)(a) dan Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 atas kesalahan mengimport barang larangan berlawanan dengan sesuatu larangan.

Rokok yang dirampas tidak mempunyai permit import



20 NOV, 2024

Rampas 8.39 juta batang rokok seludup

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Dengkil: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 8.39 juta batang rokok putih pelbagai jenama bernilai RM6.38 juta disyaki diseludup dalam satu operasi di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang, Selangor pada 12 November lalu. Penolong Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan) Raizam Setapa@Mustapha berkata, secara keseluruhan rampasan itu bernilai RM785,117 dengan anggaran cukai RM5.61 juta.Beliau berkata, operasi jam 11 pagi itu melibatkan

pemeriksaan ke atas enam kontena yang membawa kepada penahanan seorang ejen perkapalan warga tempatan berusia 50-an.